

**PROSEDUR DAN BIDANGKUASA BAHAGIAN PENYELIDIKAN JABATAN  
AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR (JAINJ): ANALISA KAEDAH  
MENANGANI KES-KES AJARAN SESAT**

**Zanirah Mustafa@Busu<sup>1</sup> &  
Noraini Junoh<sup>2</sup>**

**ABSTRAK**

**E-JITU**

Acceptance date:  
1<sup>st</sup> October 2021

Valuation date:  
15<sup>th</sup> October 2021

Publication date:  
23<sup>rd</sup> November 2021

*Kajian ini menjelaskan tentang prosedur yang digunapakai oleh pihak berkuasa dalam menangani kes-kes ajaran sesat. Pada setiap tahun kes ajaran sesat sentiasa bertambah dan berjaya dikesan oleh pihak berkuasa. Ajaran sesat yang berlawanan dengan pegangan agama yang diiktiraf sering kali mengganggu ketenteraman dan keharmonian hidup setempat. Aspek aqidah merupakan teras kepada pegangan agama seseorang. Artikel ini menghuraikan tentang bagaimana prosedur, bidangkuasa dan susunan operasi bahagian penyelidikan Jabatan Agama Negeri yang digunakan dalam menyelesaikan masalah ajaran sesat. Kajian ini sangat mustahak dilakukan bagi memberi pendedahan dan pemahaman menyeluruh kepada masyarakat berkaitan dengan peranan dan bidangkuasa yang dijalankan oleh pihak berkuasa dalam menangani kes-kes ajaran sesat di Malaysia. Pendedahan kajian ini juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa wujud pihak yang diberi bidangkuasa bagi mengawal pengaruh ajaran sesat dan membendung ajaran agama lain dalam kalangan umat Islam. Metode kajian perpustakaan, temubual, dokumentasi dan penelitian digunakan untuk mengumpulkan data maklumat berkaitan dengan pengurusan dan operasi digunapakai untuk menangani jenayah akidah. Hasil kajian mendapati Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Negeri mempunyai sistem pengurusan dan susunan organisasinya yang teratur mengikut fungsi-fungsi setiap unit di bahagian penyelidikan. Unit Akidah Syariah dan Unit Penapisan Media memainkan peranan penting bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan. Setiap prosedurnya memberi impak yang amat mendalam kepada organisasinya dalam mengawal dan mencegah ajaran sesat daripada menular di Johor. Walaupun wujud beberapa kekangan seperti kekurangan pegawai dan terpaksa berhadapan dengan pelbagai bahaya, namun ia boleh ditambahbaik dengan pengemaskinian tugas dan peranan daripada semasa ke semasa. Kajian ini wajar diketengahkan untuk membantu pihak berkuasa membuat penambahbaikan dan memperkemaskan lagi sistem pengurusan dan operasi mereka dalam membanteras kegiatan jenayah akidah.*

**Kata kunci:** *Ajaran sesat, bidangkuasa, prosedur*

<sup>1</sup> Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Email zanir126@uitm.edu.my.

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang. Email norainijunoh@uitm.edu.my.

***PROCEDURES AND JURISDICTION OF THE RESEARCH DIVISION OF THE JOHOR STATE DEPARTMENT OF ISLAMIC RELIGION (JAINJ): ANALYSIS OF METHODS OF DEALING WITH CASES OF MISGUIDED TEACHINGS***

***Zanirah Mustafa@Busu & Noraini Junoh***

**ABSTRACT**

*This study explains about the procedures adopted by the authorities in dealing with cases of heresy. Every year the cases of heresy are constantly increasing and successfully detected by the authorities. Heretical teachings that are contrary to recognized religious beliefs often disturb the peace and harmony of local life. The aspect of Akidah is the core of one's religious beliefs. This article describes how the procedures, jurisdiction and operating order of the research division of the State Religious Department are used in solving the problem of heresy. This study is very important to provide exposure and comprehensive understanding to the community related to the role and jurisdiction carried out by the authorities in dealing with cases of heresy in Malaysia. The disclosure of this study also aims to give awareness to the community that there are parties that are given jurisdiction to control the influence of heresy and curb the teachings of other religions among Muslims. Methods of library research, interviews, documentation and research were used to collect information data related to the management and operations used to address the crime of faith. The results of the study found that the Research Division of the State Religious Department has a management system and organizational arrangement that is organized according to the functions of each unit in the research division. The Akidah Syariah Unit and the Media Censorship Unit play an important role in improving the quality of services in performing the tasks entrusted to them. Each of its procedures has a profound impact on its organization in controlling and preventing heresy from spreading in Johor. Although there are some constraints such as lack of officers and having to face various dangers, but it can be improved by updating tasks and roles from time to time. This study should be highlighted to help the authorities make improvements and further streamline their management and operational systems in combating criminal activities of faith.*

***Keywords:*** *Heresy, jurisdiction, procedure*

**PENDAHULUAN**

Akidah merupakan asas dalam kehidupan manusia. Setiap insan yang lahir ke dunia sudah pasti mempunyai kepercayaan dan pegangan yang dikenali sebagai akidah. Oleh itu, setiap manusia akan melakukan tindakan dan aktiviti hidup mereka sesuai dengan kepercayaan dan pegangan hidup masing-masing (Adam, 2000). Akidah Islam merupakan inti kepada amalan seseorang. Seseorang yang tidak memiliki akidah menyebabkan amalannya tidak mendapat pengiktirafan oleh Allah S.W.T. Ayat-ayat yang terawal yang diturunkan oleh Allah S.W.T

kepada Nabi Muhammad S.A.W di Makkah menjurus kepada pembinaan akidah. Dengan asas pendidikan dan penghayatan akidah yang kuat dan jelas maka Nabi Muhammad S.A.W telah berjaya melahirkan sahabat-sahabat yang mempunyai daya tahan yang kental dalam mempertahankan dan mengembangkan Islam ke seluruh dunia (Jasni, 2016). Pendidikan akidah merupakan asas kepada pembinaan Islam pada diri seseorang. Justeru, akidah Islam yang telah meresap ke dalam jiwa dan lubuk hati seseorang akan menimbulkan kesan-kesan positif. Ia dapat melahirkan seseorang atau masyarakat yang mempunyai kepribadian yang unggul yang akhirnya akan dijelmakan melalui tingkah-laku, percakapan dan gerak-geri hati seseorang atau sesebuah masyarakat.

Kesucian akidah umat Islam di Malaysia terpelihara dengan adanya Perlembagaan Persekutuan di bawah Perkara 11(4) yang melarang sebarang dakyah agama lain kepada umat Islam. Menyedari bahawa banyak faktor lain yang boleh menggugat kesucian akidah orang Islam, maka kerajaan telah menyusun pelbagai program berupa penerangan dan kursus berkenaan perkara-perkara yang dapat memantapkan iman dan menguatkan keyakinan umat Islam (Engku Ahmad Zaki, 2010; Anon, 2008). Akidah yang baik mestilah mempunyai kepercayaan dan keyakinan yang berasaskan kefahaman minda dan ilmu yang diperoleh daripada sumber yang asli, iaitu wahyu Allah. Kepercayaan dan keyakinan juga mestilah terhindar daripada sebarang bentuk syak dan keraguan. Ia juga mesti diikuti dengan kepatuhan hati dan kemahuan untuk mempraktikkan segala hukum atau suruhan yang terkandung dalam akidah yang dipegang dengan penuh kerelaan. Maka muncullah satu bentuk akidah yang benar dengan bersumberkan kemantapan ilmu secara sah daripada wahyu Allah.

Penyelewengan akidah yang berlaku kepada umat Islam bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia. Malah, pencemaran dan resapan ajaran sesat ke dalam sistem kepercayaan umat Islam di nusantara telah pun berlaku sejak pengIslamatan rantau ini lagi. Dari sudut sejarah awal Islam juga, ajaran yang menyeleweng daripada landasan Islam sebenarnya telah wujud pada zaman sahabat dan tabiin lagi dengan munculnya kumpulan-kumpulan seperti Khawarij, Syiah, Murjiah, Qadariyyah, Jabariyyah, Muktazilah sebagaimana yang dinukilkan di dalam kitab *al-Milāl wā'an al-Nihāl* karangan al-Shahrastani (2006).

Pada masa kini, umat Islam di Malaysia yang mengamalkan ajaran Ahli Sunnah wa al-Jamaah (ASWJ) sejak sekian lama, tidak dapat mengelakkan diri daripada menghadapi masalah yang sama dan mula dicemari dengan pelbagai ajaran sesat yang kebanyakannya bertopengkan ajaran tarekat-tarekat. Sebahagian kumpulan ajaran sesat yang wujud di Malaysia ini, ada yang masih aktif dan sebahagiannya telah berkubur dengan tertangkapnya pemimpin ajaran tersebut mahupun tidak lagi diterima oleh masyarakat setempat. Menurut Wan Mohd. Azam (2001) dalam bukunya *Ajaran Sesat*, antara kumpulan ajaran sesat yang masih aktif di Malaysia adalah ajaran Qadiani, Taslim, Bahai, Anti Hadis, Tarekat Naqsyabandiyyah Kadirun Yahya, Tarekat Samaniah Ibrahim Bonjol dan sebagainya. Sehingga 2007, pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyenaraikan 125 kumpulan ajaran sesat yang bertapak di bumi Malaysia yang tercinta ini (Engku Ahmad

Zaki, 2007). Manakala pada tahun 2017, 39 ajaran sesat dikenal pasti dan dilaporkan wujud di Selangor sebagaimana pelaporan yang dijelaskan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor. Daripada jumlah berkenaan, 19 daripadanya dikesan masih bergerak aktif dan tiga daripadanya disifatkan mampu mengancam ketenteraman awam kepada negara iaitu fahaman Syiah, ajaran Millah Abraham dan kumpulan Militan Daesh. Ajaran-ajaran ini juga wujud di Perak, Melaka, Johor dan Pahang (A. Halim, Zarina & Nor Azizan, 2018). Sehingga kini, pihak kerajaan telah menyenaraikan sebanyak 127 ajaran yang dianggap sesat dan menyimpang termasuklah ajaran-ajaran sesat yang baru atau muncul dengan identiti yang berbeza seperti Ayah Pin, Syarikat Rufaqa Corporation atau Global Ikhwan (dikaitkan dengan bekas pertubuhan Al-Arqam), Rasul Melayu, Guru Yahu dan lain-lain lagi. Dalam pada itu, ciri dan karektor ajaran sesat masakini dapat dikategorikan kepada tiga bentuk iaitu ajaran baru yang berkait rapat dengan fahaman liberalisme dan ekstremisme, amalan tarekat dan kepercayaan tradisi berasaskan unsur mistik (Asmady, 2020).

Boleh dikatakan bahawa hampir kesemua kumpulan ajaran sesat ini secara amnya bergerak secara rahsia terutama menjalankan kegiatannya di malam hari atau awal pagi dan di lokasi tertentu yang mana aksesnya adalah terhad dan kurang disedari oleh masyarakat sekeliling. Ini sedikit sebanyak menyukarkan pihak berkuasa agama untuk mengumpul maklumat dan bukti (Siti Zubaidah, 2010). Fenomena penyebaran ajaran dan fahaman sesat ini perlu diberi perhatian oleh pihak-pihak berkuasa terutamanya Jabatan Agama Islam Negeri dengan kadar segera, agar ia tidak menjadi barah yang sukar diubati kelak. Peristiwa penangkapan sekumpulan pengikut tarekat Samaniah Ibrahim Bonjol di Paya Jaras, Sungai Buloh, Selangor, misalnya jelas menunjukkan bahawa pegangan akidah ASWJ di Malaysia sedang cuba dicemari oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab (Wan Mohd. Azam, 2001).

Manakala dari aspek undang-undang jenayah syariah pula ia mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan akidah. Bidangkuasa jenayah dalam undang-undang syariah di Malaysia masih terbatas dan pada tahap yang belum meluas. Jenayah merangkumi sebarang kesalahan yang boleh di hukum dengan hukuman keseksaan atas perlakunya. Namun, tidak semua kesalahan jenayah termasuk di bawah bidangkuasa undang-undang Islam (Mahmood Zuhdi, 2004). Sifat undang-undang Islam di Malaysia lebih bersifat sebagai undang-undang agama dalam makna yang cukup terbatas. Sebahagian besar daripada kesalahan-kesalahan jenayah termasuk di bawah bidangkuasa undang-undang jenayah Malaysia yang sebahagian besarnya terkandung dalam kanun keseksaan (Muhammad Fathi, 2021). Di samping itu terdapat banyak juga kesalahan di sebut sebagai kesalahan agama pada pandangan undang-undang berkenaan kerana ada halangan perlembagaan atau undang-undang persekutuan yang lain, misalnya Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah Pindaan 1984).

Manusia bertanggungjawab terhadap perbuatannya. Mereka akan disoal bagi setiap perilakunya. Tidak ada golongan manusia yang mengatasi undang-undang atau boleh melakukan sebarang perbuatan semata-mata mengikut keinginan nafsunya atau terpengaruh dengan pelbagai fahaman ajaran sesat. Undang-undang tersebut sebagai kuasa mengawal

diri manusia, mendidik jiwa, melatih fikiran dan membentuk peribadi yang mulia, supaya taat patuh kepada perintah Allah S.W.T. Pendakwaan merupakan satu cara menyelesaikannya dengan dibawa melalui pengadilan. Jika ia berpanjangan akan membawa kepada kerosakan yang ketara, sedangkan Allah S.W.T tidak menyenangi keadaan tersebut. Beberapa kajian serta pendedahan menerusi penulisan yang pernah dibuat menunjukkan bahawa beberapa perkara perlu diambil perhatian dalam aspek penyelidikan bagi kes-kes jenayah akidah. Pelbagai permasalahan akidah yang timbul dan masih belum dapat diatasi dengan cara yang berkesan. Tetapi mengapa ianya berlaku?

Maka, beberapa langkah yang wajar seharusnya diambil bagi mengawal peningkatan kadar kesalahan jenayah akidah ini. Ianya perlu diberi tumpuan serius dalam kesalahan yang berhubungan dengan akidah. Mencari jalan dan formula yang sesuai bagi penyelesaian permasalahan jenayah akidah. Jenayah akidah dilakukan dengan sewenang-wenangnya tanpa ada rasa insaf dan gentar. Sehubungan itu, penulis mengambil inisiatif membuat tinjauan awal di Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). Artikel ini meneliti dan melihat bagaimanakah proses pengurusan dan peranan yang dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan bagi mengatasi masalah ini. Apakah permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh Bahagian Penyelidikan. Apakah penyebab kepada fenomena ini?

#### **SISTEM PENGURUSAN BAHAGIAN PENYELIDIKAN DALAM MENANGANI AJARAN SESAT DI NEGERI JOHOR**

Bahagian Penyelidikan JAINJ mempunyai sistem pengurusan dan susunan organisasinya yang teratur mengikut fungsi-fungsi unit di Bahagian Penyelidikan. Setiap unit ini memainkan peranan penting bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan. Setiap pengurusannya memberi impak yang amat mendalam kepada organisasinya. Perkembangannya adalah bermula dengan kebijakan pengurusan yang dijalankan. Semenjak Bahagian Penyelidikan ini ditubuhkan, bahagian ini memainkan peranan utama sebagai pengkaji (Sabaruddin, 2009) bagi memudahkan masyarakat mengetahui sesuatu perkara agar kesucian agama Islam dijaga. Selain itu, ia bertujuan membangunkan kemajuan negara dan perkembangan Islam seluruhnya. Bahagian Penyelidikan JAINJ merupakan salah satu pihak berkuasa agama yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan negeri untuk menyekat perkembangan ajaran sesat di negeri Johor. Usaha yang berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan negeri Johor bebas daripada ancaman ajaran salah dan pembasmian dapat dilakukan sehingga ke akar umbinya.

Bahagian Penyelidikan mempunyai dua unit, iaitu Unit Akidah Syariah dan Unit Penapisan Media (Sabaruddin, 2009). Ia merupakan satu cabaran kepada Bahagian Penyelidikan bagi mengatur pengurusan organisasinya supaya dapat berjalan sepertimana matlamatnya. Bahagian Penyelidikan berperanan untuk melaksanakan langkah-langkah yang sewajarnya bagi menyekat perkembangan apa jua ajaran yang jelas menyeleweng daripada landasan Islam yang sebenar. Peranan yang dimainkan oleh bahagian ini bermula di peringkat awal lagi, iaitu di peringkat aduan sehinggalah ke peringkat pewartaan. Terdapat



beberapa pendekatan utama yang akan dilihat dalam artikel ini bagi mengenalpasti peranan yang dimainkan oleh bahagian ini bagi mengawal ajaran sesat. Maka, artikel ini memfokuskan kepada peranan Unit Akidah Syariah dan Unit Media bagi mengatasi kes-kes ajaran sesat yang berlaku di negeri Johor. Apakah langkah dan strategik yang dilakukan oleh unit ini dalam memastikan kes-kes ajaran sesat ini dapat dikesan dan diselesaikan. Hal ini kerana akidah merupakan asas utama dan pegangan bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini sebagai seorang khalifah. Dalam usaha mencapai matlamat memelihara kemurniaan akidah, Unit Akidah Syariah dan Unit Penapisan Media telah berperanan antaranya memberi pandangan dan nasihat dalam perkara berkaitan dengan akidah. Memperakui tindakan terhadap masalah-masalah yang dikemukakan dan menyemak dan memperaku hasil kajian untuk dibawa ke Muzakarah Jawatankuasa Fatwa. Aspek akidah merupakan fokus utama aktiviti penyelidikan JAINJ. Hal ini kerana aspek akidah merupakan teras kepada pegangan agama seseorang.

Dalam menjalankan fungsi penyelidikan akidah, pelaksanaan Bahagian Penyelidikan berkonsepkan prinsip-prinsip akidah Ahli Sunnah wal Jama'ah yang menjadi dasar dan pegangan negara Malaysia. Akidah selain daripada Ahli Sunnah Wal Jama'ah adalah ditolak. Konsep penyelidikan dalam bidang akidah dilaksanakan bertujuan memantapkan akidah umat Islam, mengawal pengaruh ajaran sesat dan membendung dakyah agama-agama lain dalam kalangan umat Islam. Terdapat pelbagai faktor kemunculan peyelewengan akidah dan ajaran sesat ini. Unit Akidah Syariah dan Unit Penapisan Media memainkan peranan dalam menangani kes-kes ajaran sesat sebagaimana berikut:

### **(1) Unit Akidah dan Syariah**

Unit ini menguruskan dan menjalankan penyelidikan yang berkonsepkan syiar Islam yang diterapkan oleh pihak JAINJ. Fungsinya adalah memastikan setiap perkara hendaklah mengikut ketetapan JAINJ supaya apa yang dilakukan tidak berlaku percanggahan. Konsep penyelidikan akidah yang dilaksanakan oleh JAINJ adalah bertujuan memantapkan akidah umat Islam. Aktiviti mengawal pengaruh ajaran sesat dari terus bertapak di negara ini perlu dibanteras hingga ke akar umbinya. Pelbagai cabaran yang dihadapi apabila ajaran sesat ini berleluasa tanpa ada halangan daripada mana-mana pihak berkuasa. Selain itu, membanteras dakyah agama-agama lain dalam kalangan umat Islam dapat dipatahkan daripada berleluasa (Bahagian Penyelidikan, 2008).

Selain itu, unit ini turut menjalankan pemantauan terhadap ajaran-ajaran yang disyaki sesat, pusat-pusat rawatan kebatinan dan kumpulan-kumpulan tarekat. Unit ini juga membuat kajian terhadap serangan pemikiran yang bertentangan dengan Islam, mengkaji isu-isu perbandingan agama, menganjurkan kursus-kursus pemantapan dan pemulihan akidah dan sebagainya (Sabaruddin, 2009). Unit ini juga bertanggungjawab menangani kes-kes murtad dan memantau pergerakan penceramah dan pendakwah yang tidak bertauliah. Memantau aktiviti pertubuhan silat dan pergerakan pertubuhan yang berdaftar dengan

pendaftar pertubuhan yang berkait dengan agama Islam. Unit ini juga membantu Bahagian Penguatkuasa menjalankan operasi dan siasatan terhadap ajaran salah.

Antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Unit Akidah Syariah Bahagian Penyelidikan dalam menangani kes-kes ajaran sesat adalah sebagaimana berikut (Shahrul Bazli, 2009):

#### **i. Menerima Maklumat atau Aduan**

Setiap maklumat tentang kejadian sesuatu kesalahan akan diterima oleh Bahagian Penyelidikan sama ada menerima maklumat dari pemberi maklumat ataupun melalui perantaraan dari Bahagian Penguatkuasa Agama atau laporan dari pejabat-pejabat daerah atau jabatan mufti mahupun bahagian-bahagian lain. Maklumat awal atau lebih dikenali dengan singkatan F.I.R (*first information*) merupakan suatu perkara penting sebelum suatu penyiasatan dilakukan. Maklumat yang diterima akan dipastikan adakah maklumat baru diterima atau sudah seumpamanya diterima sebelum itu supaya tidak berlaku pertindihan aduan yang sama. Pengadu atau pemberi maklumat biasanya terdiri daripada bekas pengikut dan isteri pengikut ajaran sesat serta laporan oleh para imam dan pihak polis. Segala maklumat mengenai pelapor atau pemberi maklumat akan dirahsiakan. Mana-mana kakitangan yang menerima maklumat tidak boleh dipaksa untuk mendedahkan siapa pemberi maklumat mengenai apa-apa kesalahan yang berkaitan akidah (Shahrul Bazli, 2009). Unit Akidah Syariah Bahagian Penyelidikan akan menjalankan siasatan setelah menerima aduan daripada orang ramai. Terdapat beberapa bentuk aduan atau maklumat yang di terima iaitu, antaranya (Sabaruddin, 2009):

##### **a. Maklumat Yang Diterima Secara Bertulis**

Pegawai atau pembantu yang menerima maklumat secara bertulis dalam bentuk penulisan surat yang dialamatkan dan dihantar melalui pos, kiriman, faxmili, keratan akhbar atau melalui pesanan khidmat ringkas (sms) hendaklah serta-merta mencatat tarikh dan masa penerimaannya di atas kertas maklumat berkenaan. Nama serta alamat orang yang menyerahkan maklumat selain daripada jika dihantar melalui pos boleh ditulis di atasnya. Maklumat berkenaan perlu ditandatangani oleh pemberi maklumat. Selepas itu, pegawai atau pembantu menyimpannya di dalam fail. Jenis-jenis maklumat juga dicatat dalam satu buku khas (Sabaruddin, 2009).

##### **b. Maklumat Yang Diterima Secara Lisan**

Pegawai atau pembantu yang menerima aduan melalui talian telefon terus ke Bahagian Penyelidikan ataupun menerima panggilan aduan secara perantaraan dari bahagian-bahagian lain seperti Bahagian Penguatkuasaan atau Jabatan Mufti yang menerima aduan terlebih dahulu perlu meringkaskan maklumat berkenaan ke dalam bentuk tulisan kemudian menulis semula aduan tersebut ke dalam borang aduan dan dicatatkan sebagai "laporan secara lisan".

Nama dan pengenalan diri pemberi maklumat, masa, alamat, no. telefon, tarikh, dan keterangan maklumat, jenis maklumat akan dicatat dalam borang tersebut. Borang yang digunakan adalah Borang 5A. Setiap aduan yang diterima akan direkodkan (Shahrul Bazli, 2009).

### **c. Maklumat Yang Di Terima Secara Lisan Dan Bertulis**

Membuat aduan dengan cara hadir sendiri bertemu pegawai yang berkaitan dan pegawai akan menulis mengikut keterangan yang diberi ataupun ditulis sendiri oleh pemberi maklumat. Sekiranya pegawai yang menulis, maka tulisan itu hendaklah dibacakan semula kepada pemberi maklumat sebelum pemberi maklumat dan pegawai menandatangani borang tersebut. Hal ini bagi memastikan aduan yang dibuat itu jelas dan difahami. Pemberi maklumat dikehendaki mengakui kebenaran maklumat yang diberinya. Sekiranya keterangan yang diberi itu palsu, maka pihak penerima maklumat akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas pemberi maklumat tersebut (Shahrul Bazli, 2009).

Prosedur dalam menyampaikan maklumat adalah berdasarkan kepada Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Johor 2003, Seksyen 54(1) menyatakan bahawa tiap-tiap maklumat berhubungan dengan perlakuan sesuatu kesalahan, jika diberikan secara lisan kepada seseorang pegawai, hendaklah diubah dalam bentuk tulisan olehnya atau di bawah arahannya dan hendaklah dibacakan kepada pemberi maklumat itu (*Enakmen Tatacara Jenayah Syariah*, 2003). Seksyen 54(2) pula menyatakan bahawa tiap-tiap maklumat itu hendaklah dicatatkan ke dalam Borang 5 Jadual Kedua yang hendaklah disimpan oleh pegawai itu, yang hendaklah menyatakan dalam catatan tersebut tarikh dan waktu maklumat itu telah diberikan dan sama ada diberikan secara bertulis atau diubah ke dalam bentuk bertulis sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 54(1) hendaklah ditandatangani oleh orang yang memberikan maklumat (*Enakmen Tatacara Jenayah Syariah*, 2003).

### **d. Risikan Awal atau Pemantauan**

Unit ini akan membuat risikan awal dan pemantauan. Pegawai dan Pembantu akan menyelidik ajaran yang meragukan itu dan mengenalpasti lokasi yang terlibat. Unit ini juga bekerjasama dengan pejabat agama daerah yang berdekatan dengan lokasi yang dilaporkan. Risikan dibuat adalah berdasarkan keadaan dan lokasi kes tersebut. Sekiranya melibatkan kes ajaran sesat yang mempunyai pengikut dan kelompok yang ramai atau lokasi yang menjadi pusat kegiatan ajaran sesat itu berada di kawasan yang terpencil dan pendalaman, berkemungkinan kan membahayakan keselamatan pegawai yang membuat risikan. Pada kebiasaannya, jika melibatkan kes-kes yang berat, unit ini akan terus melakukan siasatan dengan mengikut prosedur-prosedur yang telah ditetapkan.



## ii. Siasatan

Penyiasatan ialah menyelidik, memeriksa atau mencari keterangan berkaitan dengan sesuatu aduan yang telah dibuat terhadap sesuatu. Penyiasatan juga bermaksud perkara yang belum jelas kebenarannya termasuklah menjalankan proses penyzoalan, penyelidikan, pemeriksaan, pengumpulan bukti serta maklumat mengikut proses yang sah menurut undang-undang (M. Cherif, 1982).

### a. Tindakan Awal Pegawai Penyelidik Sebelum Penyiasatan

Sebelum memulakan sesuatu penyiasatan, pegawai penyelidik terlebih dahulu perlu memerhatikan tiga perkara, iaitu maklumat aduan mestilah lengkap, mendapat keizinan pihak atasan dan seterusnya mengetahui pihak-pihak yang terlibat dalam membuat siasatan. Ketiga-tiga perkara ini cukup penting bagi memastikan siasatan yang akan dilakukan itu mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan yang telah ditentukan (Ahmad Wafi, 2009).

Sebelum melakukan siasatan, Pegawai Penyiasat perlu mendapatkan arahan daripada Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan dan Ketua Penguatkuasa Agama untuk bertindak. Selain itu, pegawai penyelidik juga perlu mendapatkan perintah daripada Ketua Pendakwa sebelum melakukan sesuatu penyiasatan. Hal ini berdasarkan kepada Seksyen 55(1) yang menyatakan apabila maklumat yang disebut dalam Seksyen 54 adalah berhubungan dengan perlakuan sesuatu kesalahan tak boleh tangkap, pegawai yang kepadanya ia diberikan hendaklah merujukkan pemberi maklumat itu kepada seorang Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Ketua Penguatkuasa Agama atau Pegawai Penguatkuasa Agama (*Enakmen Tatacara Jenayah Syariah*, 2003). Seksyen 55(2) menyatakan Tiada Pegawai boleh, dalam sesuatu kes yang melibatkan kesalahan tak boleh tangkap, menjalankan mana-mana kuasa khas berhubung dengan penyiasatan yang diberikan tanpa perintah Ketua Pendakwa Syarie (*Enakmen Tatacara Jenayah Syariah*, 2003).

Seksyen 55(3) pula menyatakan bahawa mana-mana Pegawai yang menerima perintah sedemikian boleh menjalankan kuasa berkenaan dengan penyiasatan yang diberikan kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran. Setelah mendapat perintah tersebut, maka pegawai boleh menjalankan kuasa-kuasa berkaitan dengan penyiasatan kecuali kuasa menangkap tanpa waran (*Enakmen Tatacara Jenayah Syariah*, 2003). Kesalahan boleh tangkap tanpa waran ialah kesalahan yang melibatkan denda melebihi RM1000 ke atas atau penjara 1 tahun ke atas. Manakala Kesalahan tidak boleh tangkap ialah kesalahan yang melibatkan denda RM1000 ke bawah atau penjara 1 tahun ke bawah (Ahmad Wafi, 2009).

Berdasarkan Seksyen 18 menyatakan bahawa tanpa menjejaskan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain, mana-mana Pegawai Penguatkuasa Agama, Pegawai Polis, Pegawai Majlis, Pegawai Hal Ehwal Islam, Pegawai Masjid, Penghulu, Ketua Kampung atau Guru Agama yang bertauliah diberi kuasa sebagai Pemegang Tauliah Kad

Kuasa atau berhubung kesalahan boleh tangkap tanpa waran. Setiap Pegawai Hal Ehwal Islam Unit Akidah Syariah diberi kuasa menyiasat mana-mana kesalahan yang berhubung dengan jenayah akidah. Autoriti yang diberikan kepada Pegawai Unit Akidah Syariah merupakan suatu tanggungjawab untuk melaksanakan penyiasatan berdasarkan undang-undang dan peraturan negeri. Pegawai Bahagian Penyelidikan juga diberi kuasa untuk menyertai operasi menyita bahan-bahan terbitan yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan hukum syarak dengan dibantu oleh Bahagian Penguatkuasaan JAINJ dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) cawangan Johor (Shahrul Bazli, 2009; Nasri, 2009).

Apabila aduan diterima oleh Unit Akidah Syariah dan dipastikan bahawa sesuatu laporan itu benar, maka unit ini akan membuat siasatan awal berhubung dengan aduan yang diterima. Di dalam siasatan awal, pegawai penyelidik akan menghubungi semula pengadu bagi mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Pegawai penyelidik akan mengenalpasti perkara-perkara utama yang berkaitan dengan ajaran tersebut seperti lokasi dan masa operasi, bilangan pegikut, ketua ajaran serta kesalahan dan percanggahan yang wujud dalam ajaran tersebut bagi memastikan kebenaran aduan oleh pengadu.

Selain itu, tindakan sebelum memulakan sesuatu penyiasatan yang perlu diutamakan adalah Pegawai Penyiasat perlu mengenal pasti terlebih dahulu pegawai-pegawai dan pembantu-pembantu yang terlibat untuk sama-sama bertindak (Sabaruddin, 2009). Pegawai penyiasat perlu melantik Ketua Operasi yang akan bertindak memberi arahan kepada pegawai-pegawai dan pembantu-pembantu yang lain samada sebelum, semasa dan selepas proses siasatan tersebut dijalankan. Ketua Operasi hendaklah menerangkan tujuan operasi tersebut dilaksanakan, pelan lokasi sesuatu kesalahan jenayah itu dilakukan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam operasi penyiasatan itu.

Sekiranya didapati aduan tersebut adalah benar, maka siasatan lanjut dan lengkap akan dilakukan. Pada kebiasaannya, siasatan lanjut ini, pegawai penyelidik akan bertindak bersama-sama dengan pegawai penguatkuasa daerah. Kuasa yang dimiliki oleh pegawai unit ini adalah sama sebagaimana kuasa yang dimiliki oleh pegawai penguatkuasa daerah. Hal ini kerana pegawai penyelidik diberikan kad kuasa oleh Jabatan Agama Johor sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Pegawai penyiasat juga boleh mendapatkan bantuan daripada pihak keselamatan seperti polis dari balai yang berdekatan dan agensi penguatkuasa yang lain jika perlu. Ia bergantung kepada sesuatu ajaran yang hendak disiasat samada melibatkan kelompok yang ramai pengikutnya atau lain-lain sebab yang memerlukan bantuan ramai pihak bagi menjalankan proses siasatan (Sabaruddin, 2009). Sekiranya ia melibatkan agensi penguatkuasa yang lain, taklimat mengenai keperluan penglibatan mereka hendaklah di berikan (Yahya, 2007). Bagi memastikan penyiasatan yang akan dilaksanakan dengan baik, maka memang sewajarnya diberi gambaran dan pengetahuan yang lengkap kepada anggota-anggota yang terlibat bagi menjalankan siasatan tersebut.

**b. Tindakan Pegawai Penyelidik Semasa Siasatan**

Terdapat juga beberapa alternatif lain yang di lakukan oleh pihak penyelidik. Apabila Unit Akidah Syariah menerima aduan daripada orang ramai atau didapati melalui pemerhatian yang dilakukan terhadap kumpulan atau individu yang melakukan atau menyebarkan ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam, maka unit ini akan menghantar kakitangannya bagi membuat siasatan.

Semasa siasatan ini dilakukan, terdapat beberapa cara yang digunakan oleh pegawai penyiasat atau pegawai penyelidik (Sabaruddin, 2009). Pertama, pegawai dari Unit Akidah Syariah akan mendapatkan maklumat daripada orang ramai mengenai kegiatan kumpulan atau individu yang menyebarkan ajaran sesat ini, namun pegawai unit ini selalu menghadapi masalah kerana orang ramai kurang memberikan kerjasama yang diharapkan. Kedua, pegawai Unit Akidah Syariah cuba turut serta dalam kumpulan ajaran sesat tersebut dengan mengikut ajaran yang dijalankan. Namun, cara ini bukanlah mudah dilaksanakan. Faktor keselamatan menjadi masalah bagi kakitangan yang bertugas.

Namun, segala tindakan kakitangan mestilah mengikut peruntukan yang telah ditentukan mengikut jumlah pengikut sesuatu ajaran di suatu kawasan yang terpencil. Maka, siasatan yang dibuat melibatkan kerjasama daripada polis Diraja Malaysia (PDRM) atau polis cawangan yang berdekatan bagi setiap daerah yang hendak disiasat. Hal ini bagi menjamin keselamatan kakitangan dan orang ramai. Sekurang-kurangnya seorang anggota polis berpangkat inspektor diperlukan. Semasa berada di lokasi yang dituju, Ketua Penyiasat atau Ketua Operasi perlu memaklumkan kepada pihak-pihak yang sama-sama menjalankan siasatan. Dalam sesetengah keadaan, Pegawai Polis yang turut terlibat akan memerintahkan anggotanya yang terlibat sama untuk memeriksa kawasan tersebut bagi menjamin keselamatan pihak-pihak yang sama-sama terlibat dalam operasi tersebut (Sabaruddin, 2009).

Setelah berada di lokasi, pegawai penyelidik perlu membuat siasatan ke atas ajaran yang ingin disiasat itu dengan menyelidik siapakah pengasas atau ketua ajaran tersebut, nama ajaran, intipati atau kandungan ajaran, tempat atau kawasan yang menjadi tempat penyebaran ajaran itu, bahan-bahan yang digunakan sebagai rujukan seperti kitab atau buku-buku rujukan dan seterusnya barang-barang kes yang boleh dijadikan bukti kegiatan ajaran mereka (Sabaruddin, 2009).

Terdapat kaedah-kaedah tertentu yang digunakan oleh pegawai penyelidik bagi mendapatkan maklumat dan bukti-bukti yang cukup untuk mengesahkan kewujudan penyelewengan di dalam sesuatu ajaran. Antara kaedah-kaedah tersebut adalah intipan, laporan lengkap daripada bekas pengikut ajaran, penyamaran, memperkenalkan diri secara terbuka dan mendapatkan maklumat daripada negeri-negeri lain. Perkara yang dilakukan ini kepada sesuatu ajaran yang disiasat tersebut.

Intipan dilakukan setelah mengetahui lokasi pergerakan ajaran sesat. Semasa intipan, pegawai penyelidik akan membuat rakaman suara secara sulit. Maklumat juga diperoleh daripada bekas pengikut ajaran secara lengkap samada dari segi lokasi, aktiviti, pegangan dan kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam (Sabaruddin, 2009).

Penyamaran dilakukan oleh pegawai penyelidik dengan bersama-sama turut serta dalam aktiviti dan majlis serta kuliah yang diadakan. Memperkenalkan diri secara terbuka merupakan cara yang paling bahaya. Cara ini biasanya akan menimbulkan kemarahan pengikut-pengikut ajaran berkenaan. Maklumat tentang sesuatu ajaran juga diperoleh daripada negeri-negeri lain, contohnya apabila terdapat satu ajaran telah diwartakan sesat dalam mana-mana negeri. Pegawai penyelidik juga akan melihat sejauh mana kesesatan di dalam ajaran tersebut (Sabaruddin, 2009).

Namun, terdapat juga cara lain yang digunakan oleh pegawai penyelidik dengan memanggil pembimbing ajaran yang meragukan itu untuk disoal siasat mengikut kepada situasi semasa berada di lokasi (Sabaruddin, 2009). Pegawai juga berkuasa memeriksanya dan merampas segala barang-barang atau bahan-bahan yang ada padanya sebagai bukti berlakunya ajaran tersebut. Barang-barang tersebut hendaklah disenaraikan oleh pegawai yang terlibat dan ditandatangani olehnya (*Enakmen Tatacara Jenayah Syariah*, 2003). Jika didapati terdapat senjata merbahaya yang dirampas daripada orang yang ditangkap terbabit, maka senjata hendaklah diserahkan kepada pihak polis dengan segera (*Enakmen Tatacara Jenayah Syariah*, 2003). Setelah dipastikan bahawa ajaran tersebut adalah sesat, maka proses pewartaan akan menyusul.

Siasatan yang dijalankan memakan masa yang tidak menentu disebabkan sesuatu ajaran memerlukan kepada penelitian yang cermat bagi mengesahkan kesesatannya, bergantung kepada ajaran tersebut. Sekiranya sesuatu ajaran itu berada di lokasi yang sukar untuk disiasat seperti di kawasan pergunungan, kawasan terpencil, maka tempoh penyiasatan mungkin mengambil masa yang lama. Banyak faktor yang perlu dititikberatkan seperti faktor keselamatan dan sebagainya.

### **c. Tindakan Pegawai Penyelidik Selepas Siasatan**

Pegawai penyiasat yang membuat siasatan bertanggungjawab untuk mencatat dari hari ke hari setiap prosiding penyiasatan yang menyatakan tentang bila perintah penyiasatan diterima, masa memulakan penyiasatan, masa dan tarikh berakhirnya penyiasatan, lokasi yang disiasat, orang-orang yang disoal siasat dan maklumat yang diperoleh semasa proses penyiasatan di lakukan (Abdul Monir, 2003). Apabila maklumat yang diperoleh telah lengkap, maka pegawai penyelidik akan menyediakan laporan sulit hasil kajian yang telah di jalankan. Kemudian pegawai penyelidik perlu menyerahkan laporan sulit tersebut kepada Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan.

Laporan tersebut akan diteliti dan dibuat penilaian oleh Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan. Ketua Penolong Pengarah Penyelidikan akan menilai hasil laporan tersebut samada perlu dirujuk dan dipanjangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) Negeri Johor ataupun sekiranya ajaran tersebut didapati bertentangan dengan akidah dan syariah Islam, iaitu kesalahan jenayah akidah yang terdapat dalam peruntukan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997, maka Pegawai Unit Akidah Syariah hendaklah segera menghantar satu aduan ke Bahagian Penguatkuasaan<sup>3</sup>.

Hasil laporan mengenai siasatan tersebut akan disemak oleh Ketua Pengarah Penguatkuasa Agama. Setelah Ketua Pengarah Penguatkuasa Agama meneliti laporan tersebut dari Bahagian Penyelidikan dan berpuas hati dengan hasil laporan siasatan yang telah dilakukan bagi ajaran tersebut, maka laporan tersebut akan diserahkan dan disemak oleh Ketua Pendakwa Syarie untuk tindakan yang selanjutnya (Abdul Monir, 2003). Sekiranya Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama atau Ketua Pendakwa Syarie tidak berpuas hati dengan laporan tersebut, bahan bukti masih belum mencukupi, maka ia akan diteliti dan dikemaskini semula oleh pegawai penyelidik (Abdul Monir, 2003).

### **iii. Perundangan**

Pegawai penyelidik bertanggungjawab untuk menyediakan dan membentangkan laporan lengkap hasil daripada siasatan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (fatwa). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh mufti dan dibantu oleh Penasihat Undang-undang Negeri serta pegawai-pegawai JAINJ yang mahir dalam hukum syara' bagi menyertai jawatankuasa ini (Sabaruddin, 2009).

Pada kebiasaannya di dalam mesyuarat tersebut, 2 orang pegawai penyelidik bersama dengan seorang bekas pengikut ajaran akan dipanggil bagi memberikan penjelasan. Sekiranya mesyuarat tersebut tidak berpuashati dengan laporan tersebut, kajian dan penelitian semula akan dilakukan oleh pegawai penyelidik. Apabila mesyuarat telah memutuskan bahawa sesuatu ajaran adalah sesat, maka keputusan tersebut akan dimaklumkan kepada Jabatan Agama Johor dan pegawai penyelidik bertanggungjawab untuk membentangkan laporan tersebut dalam mesyuarat yang diadakan. Kelulusan daripada majlis diperlukan bagi mendapatkan perakuan keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Sabaruddin, 2009).

Setelah mendapat perakuan daripada majlis, suatu cadangan akan dibuat oleh pegawai penyelidik supaya fatwa yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa perunding Hukum Syara' diwartakan. Kemudian satu draf warta yang lengkap akan disediakan oleh pegawai penyelidik kepada penasihat Undang-undang Negeri Johor. Penasihat Undang-undang tersebut akan membuat semakan dan penelitian terhadap kandungan draf warta tersebut supaya tidak terdapat sebarang kecacatan dan kesilapan. Draft warta yang telah disemak akan dihantar ke percetakan Nasional Malaysia Berhad untuk dicetak (Sabaruddin, 2009).

<sup>3</sup> Bahagian Penyelidikan, 2008, *Prosedur Operasi Unit Akidah dan Syariah*.

Setelah sesuatu fatwa diwartakan dalam warta kerajaan, ia perlu dihebahkan kepada orang ramai dan pewartaan tersebut akan mengikat orang ramai daripada mengamalkan ajaran yang telah diwartakan sesat. Sekiranya masih terdapat individu yang melanggar warta ini, maka tindakan penguatkuasaan boleh diambil. Biasanya tindakan penguatkuasaan yang dilakukan adalah terhad. Pegawai penyidik akan memberikan peringatan terlebih dahulu kepada mereka yang masih mengamalkan ajaran yang diwartakan sesat. Sekiranya peringatan tersebut tidak dipatuhi, pegawai penguatkuasa berhak membuat tangkapan sama ada tangkapan berwaran atau tangkapan tanpa waran.

Rajah 1: Langkah-langkah yang dilakukan oleh Unit Akidah Syariah Bahagian Penyelidikan dalam menangani kes-kes ajaran sesat.



Rajah 1 di atas menunjukkan tiga langkah utama yang dilaksanakan oleh Unit Akidah Syariah Bahagian Penyelidikan dalam menangani kes-kes ajaran sesat sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Segala sumber dan data mengenai Bahagian Penyelidikan JAINJ ini dipaparkan juga di laman web <https://jainj.johor.gov.my/bahagian-unit/bahagian-penyelidikan/> (2021).

## (2) Unit Penapisan Media

Unit Penapisan Media berperanan menguruskan semakan dan penapisan bahan-bahan penerbitan yang berunsurkan Islam seperti majalah, buku, akhbar, manuskrip, barang gunaan dan sebagainya. Selain itu, bahan-bahan yang dibawa dari luar perlu dibuat kajian terlebih dahulu bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan akidah, syariah dan akhlak (Yosree, 2008). Unit ini juga memperaku sokongan import dengan menyemak dan mengesahkan kebenaran masuk bahan-bahan penerbitan berunsur Islam dari luar negara dan perlu



mendapat kelulusan dari Kementerian Dalam Negeri terlebih dahulu (Bahagian Penyelidikan, 2008).

Unit ini juga mengawal percetakan atau bahan komersial yang berunsur penghinaan kepada Islam. Memperaku supaya mengharamkan bahan-bahan penerbitan berunsur Islam yang bercanggah dengan akidah dan syariat kepada pihak Kementerian Dalam Negeri. Menapis dan memperaku warga asing Islam yang ingin mengajar dan belajar agama Islam dengan kerjasama pihak imigresen. Selain itu, unit ini juga melaksanakan lain-lain penapisan ICT, perakuan pendaftaran pertubuhan-pertubuhan Islam dan barang gunaan orang Islam. Unit ini juga bertanggungjawab menyediakan laporan berkaitan bahan-bahan yang telah di buat kajian dan tapisan dan dibentangkan dalam mesyuarat JAKIM.

Unit ini juga membuat pemantauan bagi mengesan sekiranya masih terdapat buku-buku yang telah diwartakan haram masih berada di pasaran. Unit ini juga perlu menyemak dan mengesahkan teks al-Quran atau bahan terbitan al-Quran yang diedarkan atau digunakan yang disahkan betul berdasarkan kepada Akta Percetakan Teks Al-Quran 1986 iaitu, garis panduan yang dikeluarkan JAKIM sebagai langkah kawalan terhadap kegiatan komersial ayat-ayat suci al-Quran yang semakin berleluasa. Unit ini juga berkuasa bertindak sekiranya terdapat kesalahan dibawah Seksyen 13 (1) a & b dan (2) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah iaitu Kesalahan Penerbitan Agama yang bertentangan dengan Hukum Syarak ( Bahagian Penyelidikan, 2008).

Melalui kerjasama KDN, Unit ini telah berjaya mengenalpasti 2,000 judul buku yang diwartakan sebagai bacaan yang diharamkan sejak tahun 1950, tetapi masih dijual secara berleluasa di seluruh Johor. Walaupun sebahagian besar buku-buku tersebut berjaya dirampas, masyarakat Islam diingatkan agar berhati-hati agar tidak memilikinya (Abdul Latiff, 2008). Pelbagai usaha dan langkah yang diambil oleh pihak berkuasa bagi mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan akidah. Usaha-usaha yang dilakukan adalah untuk mengembalikan mereka yang telah tersesat kepada akidah yang sebenar.

Bahagian Penyelidikan juga mentahqiqkan kitab-kitab yang lama dikhuatiri mempunyai unsur-unsur yang boleh menyebabkan berlakunya penyelewengan dan juga menyumbang kepada penyelewengan akidah. Memperbanyakkan aktiviti-aktiviti seperti ceramah-ceramah, taklimat, bengkel dan muzakarah dapat mengelak dari berlakunya kegiatan-kegiatan yang menjurus kepada penyelewengan akidah. Bahagian Penyelidikan juga menerbitkan pelbagai jenis buku dan risalah berkaitan dengan akidah. Penerbitannya hanyalah diakui oleh JAINJ supaya tidak terdapat perkara-perkara yang boleh mendatangkan kerosakan akidah seseorang pembaca.

**ANALISIS: PERMASALAHAN DAN CABARAN DALAM PEMERKASAAN MENANGANI AJARAN SESAT**

Tugas menangani gejala ajaran sesat dalam masyarakat merupakan satu tugas yang amat berat dan mencabar. Ia memerlukan pendekatan yang teliti dalam memastikan sesuatu ajaran sesat dapat dikekang sepenuhnya. Daripada perbincangan di atas, terdapat dua pendekatan Bahagian Penyelidikan dalam mencapai matlamat sifar ajaran sesat, iaitu Unit Akidah Syariah dan Unit Penapisan Media. Antara kedua-dua unit tersebut saling berkaitan dalam mengatasi masalah keruntuhan akidah umat Islam yang terlibat. Namun, tugas yang paling mencabar dapat dilihat dalam Unit Akidah Syariah yang menetapkan tiga langkah utama untuk membendung ajaran sesat daripada terus menular. Tiga langkah tersebut adalah penilaian maklumat dan aduan, siasatan dan perundangan yang perlu berorientasikan output. Walaupun ketiga-tiga langkah ini dilihat begitu teratur dan sistematik, namun ia wajar diperkemas dan kerjasama antara pihak yang berkenaan perlu dipertingkatkan lagi secara rasmi, misalnya menambah para pegawai dalam mengendali segala maklumat yang diperoleh berkenaan amalan ajaran sesat masyarakat setempat. Selain itu, disarankan juga untuk melatih para pegawai supaya lebih teliti dan efisien dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan mengadakan latihan turun padang secara giat. Masalah atau cabaran ketara yang dapat dilihat dalam aspek pemantauan ajaran sesat yang mungkin membahayakan para pegawai yang terlibat.

Bahagian Penyelidikan JAINJ telah mengambil inisiatif yang tepat ketika umat Islam dipengaruhi dengan pelbagai ajaran sesat, namun penambahbaikan perlu dilakukan agar lebih proaktif dan dinamik dalam menyegerakan penyelesaian penyebaran ajaran sesat. Secara umum, didapati bahawa kesalahan-kesalahan berkaitan akidah didapati terus berlaku hingga kini dan masyarakat suka mengandaikan bahawa ia gagal dibanteras oleh pihak berkuasa agama. Hakikatnya kegagalan di sini disifatkan berlaku kerana masalah berkaitan ajaran salah dan yang berkaitan dengannya, bukan mudah untuk dibanteras secara total. Kalau ada usaha ke arah penyelesaiannya pun, ianya didapati lambat, perlahan dan memakan masa yang lama (Siti Zubaidah, 2010).

Jelas bahawa mekanisme ke arah pembanterasannya ajaran sesat telah ada, namun ia perlu lebih kemas supaya dapat mencapai objektif yang dikehendaki. Hal ini kerana negara dan dunia Islam tidak pernah sunyi dengan fenomena berkembangnya ajaran sesat dan amalan yang menyimpang dari ajaran Islam yang sebenar. Begitu jugalah negara Malaysia yang mengalami situasi yang sama berdepan dengan pelbagai ajaran, fahaman dan amalan yang tidak selari dengan syari'at Islam (Asmady, 2020). Menurut Siti Zubaidah (2010), usaha pembanterasannya ajaran sesat tidak diselaraskan di antara pelbagai institusi dan pihak berkuasa itu. Sebagai contoh, tugas pembanterasannya diberikan sepenuhnya kepada bahagian penguatkuasaan, tetapi tidak semua negeri mempunyai pegawai atau unit khas siasatan yang fokus kepada masalah ajaran sesat sahaja. Selain itu, aspek siasatan juga wajar dipertingkatkan. Menyentuh tentang penyiasatan dan penyelesaian kes ajaran salah, didapati di sinilah letaknya faktor penentu kepada kejayaan proses-proses berikutnya. Sekiranya

penyiasatan yang cepat dan menyeluruh, pengumpulan bukti dan keterangan serta penangkapan suspek dapat dilakukan dengan jayanya, dan diikuti dengan pendakwaan yang segera di mahkamah syariah, barulah sesuatu aktiviti ajaran sesat dapat dihapuskan dari masyarakat. Usaha ini memerlukan masa, tenaga, kepakaran dan kerjasama pelbagai pihak yang bukan sedikit. Sudah tiba masanya Bahagian Penguatkuasaan mempunyai unit khas yang melatih sebahagian penguatkuasa agama agar fokus kepada kes ajaran sesat sahaja dan mengekalkan mereka di Bahagian ini tanpa ditukarkan ke bahagian lain dalam jabatan agama. Untuk itu kerjasama dengan pihak risikan polis perlu dimantapkan. Pihak pendakwaan juga perlu memantapkan lagi kemahiran pengemukaan kes di mahkamah dengan memastikan bukti dan keterangan sokongan adalah kuat sehingga dapat meyakinkan mahkamah.

Justeru, untuk mengawal daripada merebaknya ajaran sesat dalam masyarakat Islam di Malaysia amnya, pihak kerajaan sentiasa mengukuhkan sistem perundangan Islam dan penguatkuasaan undang-undang khususnya dengan mewartakan fatwa-fatwa yang berkaitan. Umum sudah mengetahui bahawa negeri-negeri dalam Persekutuan Malaysia telah diperuntukkan kuasa penuh untuk mengawal-selia segala isu dan hal-ehwal yang berkait rapat dengan Islam termasuklah juga adat-istiadat. Setiap negeri memiliki enakmen-enakmen yang khusus untuk melicinkan lagi sistem pentadbiran undang-undang Islam, Majlis Agama Islam dan Mahkamah Syari'ah dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat Islam tentang ajaran sesat dan menyeleweng. Bagaimanapun, untuk mewujudkan kesepakatan dan keseragaman fatwa antara Majlis Fatwa Negeri di peringkat kebangsaan, beberapa institusi dan agensi telah dibentuk seperti Majlis Fatwa Kebangsaan (bukannya mengambilalih bidangkuasa negeri tetapi lebih kepada interaksi musyawarah), Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan (JAPAS), Jawatankuasa Penyelarasan Penyelidikan Islam (JAPPIS), Panel Kajian Akidah (PKA) dan lain-lain lagi. Dalam pada itu, komunikasi dan perbincangan antara negeri-negeri di rantau Asia Tenggara khususnya melalui Majlis Ulama' serantau (MABIMS) yang terdiri dari Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura juga dilaksanakan untuk berkongsi maklumat dan pengalaman bagi mengawal perkembangan ajaran sesat (Asmady, 2020). Justeru, Bahagian Penyelidikan JAINJ boleh mengambil inisiatif daripada pengalaman-pengalaman institusi lain-lain dalam meningkatkan lagi mutu kecekapan setiap unit bagi memastikan ajaran sesat ini dapat dihapuskan ke akar umbinya bukan sahaja di Negeri Johor malah di seluruh negara Malaysia.

Penyelesaian isu berkaitan ajaran sesat di Negara ini sebenarnya bukan terletak pada perundangan sahaja, sebaliknya ia berbalik kepada kesedaran beragama seseorang. Umat Islam seharusnya sedar tentang pentingnya menjaga akidah masing-masing agar tidak tergelincir menerusi amalan ataupun tindakan. Meningkatkan kefahaman ilmu agama mestilah menerusi kaedah yang formal membabitkan institusi agama seperti masjid dan pengajar yang mempunyai tauliah dan latarbelakang agama yang diketahui. Semua pihak berwajib terutama di bawah jabatan agama seperti bahagian dakwah, bahagian pendidikan, bahagian masjid dan juga penguatkuasa agama perlu menjadikan agenda pembanterasannya

penyelewengan akidah berada dalam keutamaan mereka (Siti Zubaidah, 2010). Usaha-usaha dakwah juga perlu dilakukan secara berterusan oleh Bahagian Penyelidikan JAINJ bagi membantu masyarakat Islam memahami dan menghayati akidah Islam secara lebih berkesan.

## **KESIMPULAN**

Senario berkembangnya ajaran sesat dan menyeleweng dari landasan Islam adalah sesuatu gejala negatif yang sedang melanda umat Islam di Malaysia termasuklah Johor. Tidak dapat dinafikan bahawa setiap kumpulan masyarakat dan negara mempunyai pandangan dan polisi yang pelbagai dalam memahami konsep dan definisi berkenaan dengan ajaran sesat. Bagi Malaysia dan Johor, pegangan akidah Ahlus Sunnah wal Jamaah telah dijadikan sebagai perisai utama dalam mempertahankan akidah umat Islam dari sebarang pengaruh ajaran, fahaman ataupun amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam yang syumul. Bertitik-tolak daripada situasi masa kini yang memperlihatkan berkembang-suburnya sejumlah ajaran sesat dan menyimpang di Malaysia dan Johor juga tidak terkecuali. Justeru, Bahagian Penyelidikan JAINJ telah menggerakkan Unit Akidah Syariah dan Unit Penapisan Media bagi menyelidiki segala aktiviti yang bertentangan dengan akidah, syariat dan akhlak dan menapis segala penerbitan bahan yang berunsurkan Islam. Bahagian Penyelidikan JAINJ juga perlu lebih proaktif dalam mempertingkatkan kawalan dan serbuan terhadap mana-mana ajaran atau amalan yang dikenalpasti bertentangan dengan Islam untuk diambil tindakan yang sewajarnya. Langkah dan inisiatif terkini yang telah dilaksanakan ini telah meningkatkan lagi syiar Islam di Malaysia sebagai sebuah negeri yang menitikberatkan cara hidup dan pegangan Islam yang kuat agar umat Islam sentiasa peka tentang landasan-landasan Islam.

## **RUJUKAN**

Al-Quran al-Karim

- A. Halim Daud, Zarina Binti Othman & Nor Azizan Idris (2018). Fahaman Syiah Dan Keharmonian Agama Islam Di Malaysia: Perspektif Pendekatan Keselamatan Negara. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 13(3), 001-019.
- Abdul Latif Juffri @ Al-Jufri & Jainal Sakiban (2008). *Sejarah perkembangan Agama Islam Johor*. Johor: Maij Urus Sdn.Bhd.
- Adam Ibrahim (2000). *Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Johor.
- Al-Shahrastani Muhammad bin ‘Abd al-Karim (2006). *Agama dan Ideologi*. Muhammad Ramzi Omar (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anon (2008). Ketamadunan Islam di Malaysia. *Majalah Info Pengerak Minda Rakyat*.
- Asmady Idris, Shahril Yusof, Suraya Sintang & Issraq Ramli (2020). Dasar Kerajaan Negeri Sabah Menangani Perkembangan Ajaran Sesat Dalam Islam. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 01, 49 -67.

- Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri. (1994). *Kriteria Dalam Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia.
- Bahagian Penyelidikan (2008). *Prosedur Operasi Pengurusan Penapisan Media*. Johor: Jabatan Agama Islam Negeri Johor.
- Bahagian Penyelidikan (2008). *Prosedur Operasi Unit Aqidah Dan Syariah*. Johor: Jabatan Agama Johor.
- Bahagian Penyelidikan JAKIM (2009). <http://www.Islam.gov.my/ppi/profil.html>. (28 Mei 2009).
- Dewan Undangan Negeri Johor (1997). *Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997*.
- Dewan Undangan Negeri Johor (2003). *Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor. No. 16 Tahun 2003*.
- Dewan Undangan Negeri Johor (2003). *Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Johor. No. 19 Tahun 2003*.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2007). *Ajaran sesat: Mengenali Jalan Yang Terpesong*. Selangor: PTS Islamika.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2010). Ajaran Sesat Di Malaysia. *Jurnal Peradaban*, 3, 1-16.
- Jabatan Agama Johor (1994). *Ciri-ciri ajaran sesat (Penyelewengan kumpulan Al-Arqam dari ajaran Islam)*. Johor: Bahagian Dakwah JAJ.
- Jasni Sulong (2016). Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-Undang Dan Fatwa Di Pulau Pinang. *Afkar*, 18(Special Issue), 1-34.
- Johor (1994). Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1978. *Warta Kerajaan Negeri Joho* 38: 17.
- Johor (2008). Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2003. *Warta Kerajaan Negeri Johor* 52: 3.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid (2004). *Pengantar Undang-undang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Fathi Yusof (2021). Undang-Undang Jenayah Islam. <http://syariah.johor.gov.my/wp-content/uploads/2018/03/Undang-Undang-Jenayah-Islam.pdf>. Diakses pada 30 Ogos 2021.
- Nasri (2009). Peranan Bahagian Penguatkuasaan dalam Menangani Kes-Kes Ajaran Sesat di Negeri Johor, Johor. *Temubual*, 14 Mei.
- Portal Rasmi Jabatan Agama Islam Negeri Johor (2021). Bahagian Penyelidikan. <https://jainj.johor.gov.my/bahagian-unit/bahagian-penyelidikan/>. Diakses pada 30 Ogos 2021.
- Sabaruddin Isnin (2009). Peranan Bahagian Penyelidikan Dalam Menangani Kes-Kes Ajaran Sesat di Negeri Johor, Johor. *Temubual*, 18 Februari & 27 April.
- Shahrul Bazli (2009). Peranan Bahagian Penyelidikan Dalam Menangani Kes-Kes Ajaran Sesat di Negeri Johor, Johor. *Temubual*, 20 April.
- Siti Zubaidah Ismail (2010). Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*, 18(2), 247-276.
- Wan Mohd Azam Mohd Amin (2001). *Ajaran Sesat*. Kuala Lumpur: Penerbit UIAM.



Yosree Ikhsan (2009). Peranan Bahagian Penyelidikan Dalam Menangani Kes-Kes Ajaran Sesat di Negeri Johor, Johor.Temubual, 20 April.